

03 JUL 2000

Mahathir-Perpaduan

PERPADUAN BOLEH SELAMATKAN NEGARA DARI ANCAMAN LUAR

IPOH, 3 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan rakyat bahawa perpaduan yang kukuh dapat menyelamatkan negara dari ancaman luar termasuk yang dibawa oleh proses globalisasi dan konsep dunia tanpa sempadan.

Beliau berkata jika rakyat tidak bersatu, "orang luar" yang sedang merancang untuk menjatuhkan negara dan menjajah secara tidak langsung akan berjaya melalui pelbagai cara yang diatur mereka.

"Kalau kita tidak bersatu, usaha yang baru ini tetap akan menewaskan kita," katanya ketika berucap di majlis makan malam bersama anggota Majlis Tertinggi Umno di sini.

Dr Mahathir yang merupakan presiden Umno berkata golongan berkenaan menyokong puak-puak tertentu serta menghasut rakyat supaya menentang kerajaan mereka sendiri.

Beliau yang turut mengingatkan para tetamu mengenai perjuangan Umno dan rakyat untuk mendapatkan kemerdekaan berkata rakyat tak perlu menunggu sehingga apa yang dirancang oleh orang luar tersebut untuk berlaku sebelum mempercayainya.

"Walaupun kita tidak ada tentera yang kuat, wang yang banyak dan teknologi yang tinggi tapi dengan adanya perpaduan kita dapat tewaskan mereka," katanya.

Beliau berkata mereka yang merancang itu begitu pintar, kuat dan kaya dan sifat tamak mereka telah menyebabkan mereka ingin menjajahi negara yang pernah dijajah mereka sebelum ini.

Dr Mahathir turut mengingatkan pemimpin Umno di semua peringkat supaya bertemu rakyat untuk menjelaskan ancaman baru yang sedang menunggu masa untuk menjatuhkan negara ini.

"Sekali lagi kita perlu bergerak ke seluruh negara untuk sedarkan rakyat tentang ancaman ini serta tentang Umno yang pernah menyelamatkan kita sebelum ini dan di masa akan datang," katanya yang sebelum itu mengimbas dengan panjang lebar mengenai sejarah perjuangan Umno menentang British dan gagasan Malayan Union.

Terdahulu, dalam majlis pertama tanpa protokol itu - dengan para pemimpin termasuk Dr Mahathir tidak duduk semeja - Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali telah dikejutkan dengan sambutan harijadi mereka yang ke-75, masing-masing pada 10 Julai dan 12 Julai.

-- BERNAMA

HJ RHM